

SYABAS digesa sediakan pelan penjadualan pengagihan air
Astro Awan
26 February 2014

KUALA LUMPUR: Kerajaan Negeri Selangor menggesa Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) agar menyediakan pelan penjadualan pengagihan air bagi kawasan Loji Sungai Selangor 1,2,3, Loji Rasa dan Rantau Panjang secepat mungkin.

Menurut kerajaan negeri, gesaan ini telah disuarakan beberapa kali kepada pihak SYABAS di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air Negeri Selangor sejak 18 Februari lepas dalam usaha mengawal penggunaan air yang kini semakin mencapai paras kritikal.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar Selangor berkata, SYABAS setakat ini hanya membentangkan Kertas cadangan Untuk Catuan Bekalan Air dan Pelan Penjadualan Bekalan Air akibat pencemaran ammonia di Sungai Langat.

“Kerajaan Selangor sekali lagi mengarahkan SYABAS menyediakan pelan penjadualan pengagihan air untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air pada 21 Februari.

“Bagaimanapun SYABAS masih gagal menyediakan pelan tersebut dan kerajaan negeri mengarahkan syarikat konsesi itu menyediakan pelan pengagihan pada 24 Februari, namun sekali lagi SYABAS gagal sebaliknya wakil SYABAS meminta pelan pengagihan disediakan oleh Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air kerana dikatakan lebih berpengalaman,” kata kenyataan tersebut.

Antara empangan di Selangor yang menunjukkan penurunan paras air adalah Empangan Sungai Selangor, Empangan Sungai Tinggi dan Empangan Klang Gates yang kini menghampiri paras kritikal.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim telah mengarahkan SYABAS untuk mengaktifkan pelan kecemasan dan pengagihan air berjadual kepada pengguna terjejas dan beliau memandang serius isu ini.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source at: <http://www.astroawani.com/news/show/syabas-digesa-sediakan-pelan-penjadualan-pengagihan-air-30809?cp>